

KEADAAN sungai
di Gunung Besout
yang tercemar.

KES PARAH

**Kemusnahan Hutan Simpan Gunung Besout
akibat pembalakan membimbangkan**

Oleh Muhammad Apendy
Issahak
apendy@hmetro.com.my
ipoh

Eksplotasi dan pemus-
nahan serius Hutan
Simpan Gunung Be-
sout di daerah Batang Padang
akibat kegiatan pembalakan
tidak terkawal semakin
membimbangkan.

Sahabat Alam Malaysia
(SAM) mendakwa terdapat
kegiatan pemusnahan hutan
untuk pertanian berskala la-
rang terutama di kawasan

seluas lebih 3,000 hektar
yang dimansuhkan status
hutan simpan pada 2010 dan
aktiviti itu memudaratkan
ekosistem di kawasan ber-
kenaan.

Presiden SAM S M Moha-
med Idris berkata, tinjauan
pihaknya di kawasan ber-
kenaan, minggu lalu men-
dapati kebanyakan struktur
alur air dan anak sungai ter-
hakis selain rosak serta di-
cemari sisa pepejal terutama
batang dan ranting pokok
hingga berlaku pemendapan
lumpur.

“Malah, hakisan lereng
bukit turut berlaku
kerana kegiatan
pemusnahan
hutan dila-
kukan di
kawasan
berbukit
curam
yang ke-
cerunan-
nya melebihi 40 darjah.

“Kami bim-
bang eksploitasi
dan pemusnahan hu-
tan simpan dekat Sungkai itu

menjejaskan kemampuan-
nya membekalkan air men-
tah kepada Loji Rawatan
Air Gunung Besout,”
katanya dalam sa-
tu kenyataan, se-
malam.

Beliau berka-
ta, sejak Gu-
nung Besout di-
jadikan sebagai
hutan simpan
pada 21 Novem-
ber 1915, sebahagian
besar status hutan sim-
pan itu beberapa kali diman-
suhkan hingga menjadi ‘pu-

FAKTA
SAM dakwa
kemusnahan berlaku
untuk tujuan
pertanian berskala
ladang di kawasan
seluas lebih 3,000
hektar

lau hutan’ yang terpisah da-
ripada jajaran hutan utama
dan dikelilingi guna tanah
dan pembangunan.

Katanya, ia sekali gus me-
wujudkan kebimbangan ter-
hadap impak dan kesan ter-
hadap Hutan Simpanan Dara
(VJR) yang masih ada di ka-
wasan berkenaan kerana
mengikut Peraturan-Peratu-
ran Mengenai Hutan Simpa-
nan Dara ialah VJR hendak-
lah terletak dalam Hutan
Simpan kekal (HSK) dan di-
kelilingi hutan terurus.

“SAM memohon penjela-

san Jabatan Perhutanan Pe-
rak mengenai keluasan asal
VJR dalam HS Gunung Be-
sout ketika ditubuhkan dan
keluasan terkini yang masih
ada.

“Penjelasan perlu dibuat
sama ada masih terdapat
spesies pokok yang hampir
terancam dalam keluarga
dipterokarp iaitu Merawan
Palit (*Hopea dyeri*) dan Me-
ranti Batu (*Shorea dasyphylla*)
kerana dibimbangi ke-
dua-dua spesies itu sudah ti-
dak terdapat lagi di hutan
berkenaan,” katanya.